

Perak: Bumi vag kaya simpan

Biji

15/9/74

JIKA sesuatu tempat itu boleh termyth kerana hasil buminya, Negeri Peraklah yang boleh berbangga dengan gelarnya. Menurut beberapa pendapat, negeri itu mendapat namanya dari hasil buminya yang menyerupai perak, iaitu bijih timah.

Bumi Peraklah yang paling banyak menyimpan kekayaan negara dalam bentuk bijih timah, bahan galian yang telah mengharumkan nama Malaysia di mata dunia.

Hari ini Malaysia mendahului senarai nama negara-negara pengeluar bijih timah di dunia dengan membekalkan lebih satu pertiga dari keperluan bijih timah dunia.

Kalau angka pertambahan pendapatan negara dari eksport bijih timah tahun 1968 dan 1969 boleh dijadikan bandingan kepada keadaan sekarang, bijih timah memang sah menjadi tulang belakang ekonomi. Hasil pendapatan dari eksport bijih timah pada tahun 1968 ialah \$830 juta dan \$940 juta dalam tahun 1969, iaitu naik 13 peratus.

Hasilnya bertambah lagi dari tahun ke tahun dan dengan persetujuan Amerika Syarikat menghadkan penjualan bijih timah ialah stoknya supaya tidak menjejaskan harga bahan itu di pasaran dunia. Bijih timah akan terus mencapai harga tinggi dan menjamin kehidupan pekerja-pekerja melombong.

Dua pertiga dari hasil pengeluaran bijih timah Malaysia datang dari Perak dan semahit Kinta masih kekal sebagai kawah bijih yang terbesar di Malaysia walaupun di Asia Tenggara juga.

Oleh ROHANI PA' WAN CHIK

Pengeluaran

Dalam tahun 1969, 57.9 peratus dari jumlah pengeluaran bijih timah di Malaysia dikeluarkan oleh negeri Perak.

Dianggarkan Semanjung Malaysia mempunyai lebih seribu lombong bijih timah dan lebih 650 darinya terdapat di negeri Perak. Jumlah pengeluaran bijih timah di negara ini bermula beratus-tahun dahulu sebelum memasuki orang-orang asing untuk memencilkan negara ini lagi.

Bagaimanapun tarikh sebenar bijih timah mula dijumpai dan diusahakan serta tempat ia mula dijumpai tidak terasid dalam sejarah. Menurut beberapa pihak, bijih timah sedia ada digunakan oleh orang-orang Melayu di sini bila Penglima Cheng Ho, utusan dari Negara China, menghantar lawatannya ke negeri ini dalam tahun 1408.

Malah pentaga-pentaga Arab juga pernah menyebut tentang adanya bijih timah di Malaysia dalam tahun 900 lagi.

Orang-orang Portugis dan Belanda juga menakui bahawa bijih timah sudah sedia digunakan dalam bentuk diul oleh orang-orang Melayu sini sebelum mereka kemari.

Bagaimanapun menurut setengah-tengah buku-buku sejarah, bijih mula ditemui di Perak pada kira-kira tahun 1620 secara kebetulan oleh Menteri Larut, Dato' Ngah Ibrahim, bila sedang mencari ketuan Kemunting dekat Taiping.

Menurut ceritanya, tanah-tanah mengandungi bijih timah di dapati terletak pada bagian utara bijih timah dijumpai semula dekat Kelian Pauh.

Duo Ngah Ibrahim mula mengusahakan pengeluaran bijih secara kecil-kecilan diikuti oleh orang-orang China dan perusahaan melombong secara besar-besaran tidak bermula se-

hingga pertengahan abad kesembilanbelas.

Membangun

Dalam tahun 1900 Malaysia mengeluarkan kira-kira 45,000 tan bijih timah setahun.

Dari situah perkembangan menjadi bandar dan bandar seperti Taiping, Ipoh dan Kuala Kangsar turut membangun dengan pemuliharaan peluang-peluang masa depan lebih cerah bagi penduduk-penduduk sekitar kawasan-kawasan itu.

Perak sendiri berkembang maju dan hasilnya dari perusahaan itu perkhidmatan pengangkutan dan perhubungan bertambah teratur dan sempurna.

Jalan-jalan raya dan landasan-landasan kereta api mula membesar bagi mempercepat dan memudahkan bijih timah diperniagakan hingga ke luar negeri.

Walaupun lagi kelain bijih timah di Perak khususnya dari Malaysia hanya masih memuncip untuk beberapa tahun akan datang untuk mengekalkan negara ini sebagai pengeluar bijih timah yang terbesar di dunia, tidak dapat dinafikan bahawa bumi ini tidak mungkin dapat mengeluarkan kuantiti selama-lamanya.

Laluan selabankah bahagian bijih yang bermutu tinggi sudah dikeluarkan bermakna bijih bermutu tinggi semakin berkurangan.

Kedaaan

Kerajaan Negeri sedar tentang keadaan ini dan memberi perhatian berat kepada masa depan perusahaan bijih supaya dapat ia dikekalkan sebagai perusahaan melombong yang terbesar di negara ini dan terus menjadi pembekal terbesar kepada kegunaan dunia.

Berbagai usaha dirancarkan dan beberapa badan dibentuk untuk menjaga kepentingan perusahaan itu. Antara badan-badan itu terma-

suk Bahagian Penyelidikan Jabatan Lombong dan Jabatan Penyelidikan Kaitbumi.

Antara tugas yang akan dijalankan oleh Jabatan Penyelidikan Kaitbumi ialah mengumpul maklumat asas mengenai bahan-bahan galian berharga dan membantunya dalam usaha mencarigali dan menggunakan dengan baik-baiknya hasil bumi.

Beberapa kawasan sepanjang Sungai Siang, Langgong, Selama dan beberapa kawasan kecil lain di Perak telah dibuka untuk perusahaan melombong.

Diselidik

Bekas Menteri Besar Perak, Dato' Sri Haji Kamarudin Mat Isa, pernah berkata, Kerajaan tidak bercadang mengeluar hasil bumi tanah-tanah baru.

Kawasan-kawasan simpanan hutan dan simpanan Melayu juga diselidiki untuk dibuka kepada perusahaan itu.

Awal tahun ini Perbadanan Negeri Perak dan PERNAS (Perbadanan Nasional) menyertai perjanjian usahabersama bagi menjalankan perusahaan melombong di kawasan Bukit Bujang Melaka dekat Kampar dan beberapa kawasan tebing Sungai Perak.

Beberapa kawasan yang sedang diselidiki untuk digarap sebagai ladang bijih di kawasan-kawasan simpanan hutan dekat Kerajaan di kawasan Kinta dan Batang Perak.

Perbincangan juga menyentuh kemungkinan melombong di beberapa kawasan sepanjang 252 batu Sungai Perak.

Usaha-usaha juga ditumpukan untuk mencarigali bijih di daerah-daerah lain memandangkan semakin berkurangnya kawasan bijih di darat.

Beberapa bahagian Sungai Kinta terlepas di ubahhail sebelum zaman kemerdekaan lagi dan hasilnya telah mendedahkan kawasan bagi melombong bijih.

Tidak terapa lama dahulu juga sebuah syarikat melombong swasta menyatakan rancangannya untuk mengubahhail Sungai Kinta dan Sungai Chenderiang bagi tujuan penanaman sawah.

Dianggarkan jika usaha itu berjaya ia akan menghasilkan pendapatan 200 juta kepada syarikat itu.

Usahasama

Perbadanan Kemajuan Negeri juga menandatangani perjanjian dengan sebuah syarikat melombong swasta bagi menjalankan usahasama melombong di kawasan Chenderiang di daerah Batang Padang.

Usahasama pertama Perbadanan itu dengan syarikat swasta bermula 22 tahun dengan 30 peratus darinya dimodali oleh Perbadanan.

Syarikat Syarikat Tronoh (M) Sdn. Bhd. menyatakan sebuah

kapalkorek 2000 berharga \$20 juta boleh tahan 15 tahun, akan digunakan di sungai dan dapat mengorek 500,000 tan bahan sebulan.

Keempat, ia akan memberi perhatian kepada usaha perhatian kepada Bumiputera dalam perancangan perlonggongan yang berhasili ini. Awal tahun ini Perbadanan Kemajuan Negeri berkongsi usaha dengan sebuah syarikat swasta Bumiputera untuk mengalakkan penyertaan Bumiputera dalam bidang ini.

Beberapa buah syarikat Bumiputera swasta yang lain juga turut ditubuhkan untuk tujuan yang sama.

Di samping hasil galian Perak juga banyak menampung hasil negara yang lain seperti getah, padi dan kelapa sawit.

Malah Negeri Perak terkenal sebagai negeri kaya di Semanjung Malaysia kerana keluaran hasil kekayaan negara itu.

Negeri Perak juga boleh berbangga kerana dari segi penanaman getah ia mengorak langkah pertama bila benih getah yang pertama dibawa masuk ke Malaysia ditaman di Kuala Kangsar.

Hingga hari ini dua dekad juga pokok getah pertama ditanam itu masih tegak di kawasan Perak dan di Kuala Kangsar dekat Jabatan Pertanian.

Dianggarkan Perak mempunyai seluas lebih 630,000 ekar ladang getah dan ia menyumbang rata-rata ceruk negeri itu terutamanya di kawasan Hilir Perak.

Seluas lebih 300,000 ekar kawasananya pula ditanam dengan padi terutamanya di kawasan Hilir Perak.

Kerian yang terkenal sebagai salah satu kawasan penanaman padi yang besar di negara ini. Negeri Perak juga turut terkenal sebagai negeri pusat pendidikan dengan sejarah pendidikannya yang gilang sejak sebelum zaman perang dunia kedua lagi.

Kuala Kangsar, Bandar Diraja yang banyak sejarah, semasa ini itu, juga menempatkan sebuah institusi pengajian tinggi yang terkenal di negara ini kerana selalu mempertahankan mutu pengajaran yang tinggi dan mencapai kelulusan yang tinggi.

Ia juga terkenal kerana menjadi pusat anak-anak raja, anak-anak orang-orang besar, menerima didikan dan sebagai tempat lahirnya 200 pegawai-pegawai tinggi dan pemimpin negara hari ini.

Antara mereka ialah Perdana Menteri Malaysia kita, sekarang, Tun Haji Abdul Razak bin Hussein yang berada di sana antara tahun 1934

hingga 1940. Tan Sri Nik Ahmad Kamil, Hakim Haji Azmi Datuk Kamaruddin dan Baginda Sultan Perak sendiri, Edauka Seri Sultan Idris Al-Mutawakkil, Alalhah Shah Ibn Amaruh Sultan Iskandar Shah Radda salah.

Sebuah lagi institusi tua, malah yang tertua di negara ini, ialah Maktaba Pendidikan bagi Menteri Idris di Tanjung Malim yang mempunyai sejarah perjuangan setengah abad.

Ia menjadi tapak seaman pendidikan Melayu, pusat yang mengeluarkan pendidik-pendidik bangsa, pemimpin, ahli bahasa, dan tokoh-tokoh masyarakat.

MPSI selain dari menjadi tempat suburnya pendidikan melatid bakal-bakal guru, juga mempunyai sejarah sendiri sebagai tempat kelahiran semangat nasionalisme Melayu dan dalam waktu yang sama melahirkan banyak penulis-penulis seperti Dr. Atan Long, Dr. Awang Had Salleh, Harun Aminurrashid, Kemala, Suhaimi Haji Muhammad, Yahaya Samad dan Mohamad Nor Azam.

Dari sana juga bermulanya pergerakan pelajar, dan pemilihan pemimpin pelajar secara demokrasi, perkara yang belum pernah terjadi sebelumnya.

Sebuah lagi pusat pengajian yang boleh dibanggakan oleh Perak ialah Politeknik Ungku Omar, iaitu politeknik yang pertama di negara ini terletak di Ibunegerinya, Ipoh.

Walaupun baru ditubuhkan pada tahun 1969, ia penting kerana menjadi pusat tempat lahirnya nanti ahli-ahli teknik yang penting bagi kemajuan negara dalam zaman sains dan teknologi ini.

15/9/74